KEFAHAMAN 2 (20 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

" Banyak benda yang berlaku, Angah. **Mak bukan macam dulu lagi**. Sekarang giliran Angah pula menjaga emak," kata-kata Along terngiang-ngiang di telinga Angah.

Susahkah menjaga emak? Selama ini, Along tidak pernah mengungkit tentang hal itu. Perasaan kecewa terhadap Along menjengah hati Angah. Emak sendiri tidak pernah **merungut** menjaga mereka berlima setelah pemergian ayah. Emak bertungkus-lumus membesarkan anak-anaknya seorang diri.

Sememangnya, Angah mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran di luar negara kerana berkeinginan untuk mengubah nasib mereka sekeluarga dan pastikan emak dapat rasakan kehidupan yang lebih senang. Akan tetapi, keputusan itu seperti dipersalahkan Along.

Sebagai anak sulung, Along mengambil alih sebahagian **beban** yang emak pikul. Setiap pagi, emak ke kebun getah sendirian sementara Along menjaga adik-adik yang lain. Pada sebelah petang, Along membantu berniaga pisang goreng, karipap dan beberapa jenis kuih yang dibuat oleh emak di tepi jalan. Angah akur bahawa dia tidak berada di sisi mereka meniti masa-masa sukar itu. Namun, bukankah dia mengejar impiannya untuk mendapatkan pendidikan yang tinggi supaya dapat dijadikan bekal untuk masa hadapan keluarga mereka juga?

Kini, Along menghantar emak ke rumahnya kerana mahu Angah menjalankan tanggungjawabnya menjaga emak. Angah bukannya mahu mengelak daripada tanggungjawabnya. Malah, dia tidak keberatan menjaga emak tetapi dia kerisauan meninggalkan emak keseorangan di rumah apabila dia pulang lewat dari pejabat.

Angah merancang untuk membawa emak ke hospital untuk melakukan pemeriksaan menyeluruh. Mungkin dengan itu, dia akan ketahui jika emak benar-benar sihat ataupun tidak. Angah melihat ke lantai. Kopi yang **bertaburan** di dapur itu masih menjadi tanda tanya kepada dirinya. Apakah yang tidak diberitahu Along?

" Kata doktor, Mak menghidap Alzheimer. Dia sulit membuat kerja-kerja yang biasa dilakukan lagi. Daya ingatan Mak juga tidak tajam seperti dahulu, " Along menyampaikan berita itu setelah Angah menceritakan tentang serbuk kopi yang bertaburan di dapur.

(Dipetik dan diubahsuai daripada cerpen 'Kopi Emak' karya Zalila Isa)

LIVEWORKSHEETS

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

1 Apakah yang membuat Angah berasa kecewa terhadap Along? (2 markah)

_____

_____

2 Mengapa Angah melanjutkan pelajaran di luar negara? (2 markah)

_____

_____

3 "Mak bukan macam dulu lagi." Beri dua sebab Along berpendapat sedemikian. (4 markah)

_____

_____

_____

_____

4 Along telah melakukan tanggungjawabnya sebagai anak sulung dengan sebaik mungkin. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

_____

_____

_____

_____

LIVEWORKSHEETS

5 Nyatakan dua perkara yang menunjukkan Angah seorang yang prihatin akan keadaan emaknya. (4 markah)

_____

_____

_____

_____

6 (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) merungut (1 markah)

_____

(ii) beban (1 markah)

_____

(iii) bertaburan (1 markah)

_____

(b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **meresap masuk dengan pantas** ialah _____. (1 markah)

LIVEWORKSHEETS